Wong Teck Lim lwn Sim Lim Finance Ltd

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — SAMAN PEMULA NO R8–24–31 TAHUN 1989
ABDUL KADIR SULAIMAN H
12 MEI 1997

Acara Sivil *— Penguatkuasaan salingan penghakiman — Permohonan untuk mengetepikan pendaftaran penghakiman mahkamah asing — Penghakiman ingkar diperolehi di Singapura dan didaftarkan di Mahkamah Tinggi Malaya — Sama ada Mahkamah Tinggi Singapura mempunyai bidang kuasa — Sama ada penyerahan sukarela kepada bidang kuasa perlu — Supreme Court of Judicature Act 1969 [Sing] s 16(1)(b) — Akta Penguatkuasa Salingan Hukuman 1958 s 5(2)(a)(i)*

Plaintif telah memperolehi suatu penghakiman ingkar ('penghakiman tersebut') terhadap defendan di Mahkamah Tinggi Singapura ('mahkamah asal'). Penghakiman tersebut telah diperintahkan untuk didaftarkan sebagai penghakiman Mahkamah Tinggi Malaya. Defendan telah memfailkan suatu saman dalam kamar memohon agar pendaftaran penghakiman tersebut diketepikan di bawah Akta Penguatkuasa Salingan Hukuman 1958 ('Akta 1958'). Permohonan tersebut disokong oleh afidavit yang diikrarkan oleh anak lelaki kepada defendan yang mendeposkan bahawa proses permulaan tindakan yang dikeluarkan oleh mahkamah asal telah tidak diserahkan kepada defendan dan defendan juga tidak dengan secara sukarela menyerah dirinya kepada bidang kuasa mahkamah asal. Oleh itu, pendaftaran penghakiman tersebut adalah bercanggah dengan peruntukan Akta 1958 atas alasan bahawa mahkamah asal tidak mempunyai bidang kuasa ke atas defendan. Permohonan defendan telah ditolak oleh pendaftar. Oleh itu, defendan membuat rayuan.

Diputuskan, menolak rayuan tersebut:

(1) Mengikut s 16(1)(b) Akta Kehakiman Mahkamah Agung 1969 [Sing] ('Akta 1969 Singapura'), mahkamah asal mempunyai bidang kuasa oleh kerana defendan tinggal atau mempunyai tempat perniagaan atau mempunyai harta di Singapura. Dengan yang demikian, oleh kerana mahkamah asal mempunyai bidang kuasa ke atas defendan, pendaftaran penghakiman tersebut adalah teratur dan dengan itu tidaklah harus diketepikan. Berkenaan dengan penyerahan sukarela kepada bidang kuasa oleh defendan, isu ini tidak timbul kerana peruntukan s 5(2)(a)(i) Akta 1958 adalah peruntukan anggapan bahawa jika defendan dengan sukarela menyerah dirinya kepada mahkamah asal, mahkamah tersebut adalah dianggap sebagai telah mempunyai bidang kuasa terhadap defendan. Tetapi di dalam hal ini, mahkamah asal secara nyata mempunyai bidang kuasa berasaskan s 16(1)(b) Akta 1969 Singapura (lihat ms 66F–I); *Bank of New Zealand v Wong Kee Tat* [1990] 2 MLJ 435 dan *United Malayan Banking Corp Bhd v Soo Lean Tooi & Ors* [1984] 1 MLJ 47 diikut.

(2) Keterangan menunjukkan proses permulaan tindakan telah dengan sahnya mengikut perintah mahkamah asal dan diserahkan kepada defendan melalui pengiklanan di dalam surat khabar dan melalui penampalan proses di papan notis mahkamah asal.

Di atas alasan bahawa mahkamah asal mempunyai bidang kuasa ke atas defendan dan penghakiman tersebut adalah teratur, maka pendaftaran penghakiman tersebut di Mahkamah Tinggi Malaya adalah mengikut peruntukan s 4 Akta 1958. Oleh itu, permohonan defendan untuk mengetepikan pendaftaran tersebut adalah tanpa asas (lihat ms 67A–C).

Per curiam:

Oleh kerana afidavit menyokong permohonan defendan diikrarkan oleh anak lelaki defendan tanpa diberikuasa yang khas oleh defendan, ia tidak boleh diterima sebagai keterangan menyokong permohonan defendan. Ini bermakna permohonan defendan melalui saman dalam kamar tersebut tidak disokong oleh apa-apa bukti. Atas alasan ini sahaja, permohonan defendan perlu ditolak (lihat ms 67F–G).

[English summary

The plaintiff obtained a judgment in default ('the judgment') against the defendant at the High Court of Singapore ('the original court'). It was ordered that the judgment be registered as a judgment of the High Court of Malaya. The defendant filed a summons in chambers applying for the registration of the judgment to be set aside under the Reciprocal Enforcement of Judgments Act 1958 ('the 1958 Act'). The application was supported by an affidavit affirmed by the defendant' s son who deposed that the originating process issued by the original court was not served on the defendant and the defendant had not voluntarily submitted himself to the jurisdiction of the original court. The registration of the judgment therefore contravened the provisions of the 1958 Act on the basis that the original court had no jurisdiction over the defendant. The defendant's application was dismissed by the registrar. The defendant therefore appealed.

Held, dismissing the appeal:

(1) According to s 16(1)(b) of the Supreme Court of Judicature Act 1969 [Sing] ('the Singapore 1969 Act'), the original court had the jurisdiction because the defendant stayed or had a place of business or had assets in Singapore. Therefore, because the original court had jurisdiction over the defendant, the registration of the judgment was in order and should not be set aside. In relation to the voluntary submission by the defendant to the jurisdiction, this issue did not arise because s 5(2)(a)(i) of the 1958 Act was a presumption that if the defendant voluntarily submitted himself to the original court, the court is presumed to have jurisdiction over him. In this case, the original court clearly had jurisdiction based on s 16(1)(b) of the Singapore 1969 Act

(see p 66F–I); *Bank of New Zealand v Wong Kee Tat* [1990] 2 MLJ 435 and *United Malayan Banking Corp Bhd v Soo Lean Tooi & Ors* [1984] 1 MLJ 47 followed.

(2) The evidence showed that the originating process was in accordance with the order of the original court and was served on the defendant through an advertisement in the newspapers and by putting the process on the notice board in the original court.

On the ground that the original court had jurisdiction over the defendant and the judgment was in order, the registration of the judgment at the High Court of Malaya was in accordance with the provisions of s 4 of the 1958 Act. Therefore, the defendant's application to set aside the registration had no basis (see p 67A–C).

Per curiam:

As the affidavit supporting the defendant's application was affirmed by his son without being specially authorized by the defendant, it could not be received as evidence to support the defendant's application. This meant the defendant's application by summons in chambers was not supported by any evidence. On this ground alone, the defendant's application had to be dismissed (see p 67F–G).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai penguatkuasaan salingan penghakiman, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1994 Reissue) perenggan 2871–2879.

Kes-kes yang dirujuk

Bank of New Zealand v Wong Kee Tat [1990] 2 MLJ 435 (diikut)
United Malayan Banking Corp Bhd v Soo Lean Tooi & Ors [1984] 1 MLJ 47 (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953
Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 23(1)(b)
Akta Penguatkuasa Salingan Hukuman 1958 ss 4, 5(2)(a)(i)
Supreme Court of Judicature Act 1969 s 16(1)(b) [Sing]

Samantha Murthi s/o Maritha Muthu (*Murthi & Rakan-Rakan*) bagi pihak defendan/perayu.
Maniam Kuppusamy (*Skrine & Co*) bagi pihak plaintif/penentang.

Abdul Kadir Sulaiman H: Ini merupakan satu rayuan yang dibuat oleh defendan terhadap keputusan pendaftar bertarikh 20 Julai 1994 menolak dengan kos permohonan defendan untuk mengetepikan pendaftaran di sini di bawah Akta Penguatkuasa Salingan Hukuman 1958 ('Akta 1958') akan penghakiman yang diperolehi oleh plaintif terhadap defendan di

A Mahkamah Tinggi Singapura ('mahkamah asal') pada 22 Ogos 1988. Penghakiman tersebut telah pada 11 April 1989 diperintahkan untuk didaftarkan sebagai penghakiman Mahkamah Tinggi Malaya. Penghakiman mahkamah asal itu memerintahkan defendan membayar kepada plaintif wang sebanyak S$1,532,987.86 dan faedah pada kadar 18% setahun dari
B 29 Oktober 1987 sehingga 22 Ogos 1988 berjumlah S$226,042.21 dan kos sebanyak S$1,071. Penghakiman mahkamah asal merupakan penghakiman kerana keingkaran kehadiran defendan dalam Guaman No 43/1988.

Pada 15 April 1991, defendan telah memfailkan suatu saman dalam kamar memohon agar pendaftaran penghakiman tersebut diketepikan. Permohonan tersebut disokong oleh suatu afidavit yang diikrarkan pada
C 12 April 1991 oleh Jefferey ZK Wong, iaitu anak lelaki kepada defendan yang berdasarkan pengetahuannya sendiri di atas kebenaran fakta, kecuali sebaliknya dinyatakan. Ia menyatakan bahawa ia telah diberikuasa oleh defendan untuk berikrar bagi pihaknya yang pada masa itu sedang berada di luar kawasan. Diikrarkan bahawa proses permulaan tindakan ke atas
D defendan yang dikeluarkan oleh mahkamah asal telah tidak diserahkan kepada bapanya. Juga bapanya telah tidak dengan secara sukarela menyerah dirinya kepada bidang kuasa mahkamah asal tersebut. Oleh itu, pendaftaran penghakiman tersebut oleh Mahkamah Tinggi Malaya adalah bercanggah dengan peruntukan Akta 1958 atas alasan bahawa mahkamah asal tidak mempunyai bidang kuasa ke atas defendan. Juga dipercayainya bahawa
E pelaksanaan penghakiman tersebut adalah bercanggah dengan polisi awam di Malaysia iaitu undang-undang munisipal Singapura telah dilaksanakan melalui prosiding ini. Tambahan lagi, diikrarkan bahawa notis prosiding di mahkamah asal telah tidak diterima dalam tempoh yang cukup masa bagi membolehkan defendan membela diri dalam prosiding tersebut dan
F defendan telah tidak hadir di dalam prosiding di mahkamah asal itu. Akhir sekali diikrarkan bahawa perkara dalam guaman tersebut adalah berkait dengan transaksi pinjaman yang dikira bercanggah dengan peruntukan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 (Malaysia) [Exchange Control Act 1953] dan jaminan yang terbit daripadanya di mana defendan menjadi penjamin adalah tanpa kelulusan Pengawal Pertukaran Wang Asing
G Malaysia [Controller of Foreign Exchange]. Selain daripada membuat pernyataan umum sedemikian berhubung dengan polisi awam dan peruntukan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953, tiada alasan lain atau bukti tertentu dibuat bagi menyokongnya.

Plaintif telah membalas afidavit tersebut melalui afidavit yang diikrar
H oleh pengurusnya, Low Eng Loo, pada 4 Oktober 1991. Ia memohon supaya afidavit bagi pihak defendan tidak diterima sebagai keterangan oleh kerana pengikrarnya telah gagal mengemukakan surat kuasa wakil atau apa-apa suratan lain yang memberi kuasa kepada pengikrar untuk mengikrarkan afidavit tersebut bagi pihak defendan. Berkenaan dengan kenyataan bahawa defendan telah tidak diserah dengan proses, adalah
I dikatakan bahawa pengikrar afidavit defendan tersebut telah gagal menyatakan punca nasihat dan kepercayaannya berkenaan fakta-fakta yang dinyatakan itu. Ia mengepilkan ekshibit yang ditanda sebagai 'A-3' yang merupakan satu afidavit penyerahan yang diikrarkan oleh Foo Soon Kee

Jimmy, seorang kerani dari firma peguam plaintif pada 18 Ogos 1988, yang menyatakan bahawa pada hari Khamis, 21 Julai 1988 jam 10.10 pagi, bagi mematuhi perintah mahkamah bertarikh 6 Julai 1988, ia telah menampalkan satu salinan notis 'concurrent writ' untuk penyerahan di luar bidang kuasa, bersama satu salinan perintah mahkamah untuk serahan gantian, di papan notis mahkamah asal dan telah membuat pengendorsan sewajarnya di atas salinan notis 'concurrent writ' untuk penyerahan di luar bidang kuasa yang ditanda 'A' yang dikepilkan bersama afidavit penyerahan tersebut. Berikutan perintah mahkamah yang tersebut juga yang menyentuh hal serahan gantian, satu notis berhubung dengan notis 'concurrent writ' untuk penyerahan di luar bidang kuasa telah dimasukkan di dalam satu keluaran *The New Straits Times* di Malaysia Barat pada 20 Julai 1988 yang salinan notis tersebut dikepilkan dan ditanda 'B'.

Afidavit balas plaintif juga mengemukakan salinan dokumen suratan jaminan yang menunjukkan defendan menjadi penjamin dan menafikan bahawa pelaksanaan penghakiman mahkamah asing melanggar polisi awam dan menjadi penjamin itu bercanggah dengan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953. Tiada apa-apa afidavit selanjutnya diikrarkan bagi pihak defendan.

Di dalam hujahnya di hadapan pendaftar, peguam defendan menyatakan bahawa defendan tidak pernah hadir di mahkamah asal dan penghakiman tersebut diperolehi akibat ketidakhadiran tersebut. Dengan yang demikian, bermakna defendan tidak menyerah kepada bidang kuasa mahkamah asal dan oleh itu mahkamah asal tidak mempunyai bidang kuasa ke atas defendan. Hujahan yang sama dibuat di dalam rayuan ini walaupun diakui bagi pihak defendan bahawa writ saman telah diserah kepada defendan melalui serahan gantian seperti diperintah oleh mahkamah asal dan defendan telah tidak memasuki kehadirannya. Akibatnya, penghakiman ingkar dibuat. Juga diakui bahawa mengikut s 16(1)(b) Akta Kehakiman Mahkamah Agung 1969 [Sing] ('Akta 1969 Singapura'), mahkamah asal mempunyai bidang kuasa oleh kerana defendan tinggal atau mempunyai tempat perniagaan atau mempunyai harta di Singapura. Peruntukan s 16(1)(b) Akta 1969 Singapura ini adalah sama atau lebih kurang sama dengan s 23(1)(b) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Malaysia) yang memberi bidang kuasa membicarakan semua prosiding sivil dalam keadaan sedemikian. Kes *United Malayan Banking Corp Bhd v Soo Lean Tooi & Ors* [1984] 1 MLJ 47 dan kes *Bank of New Zealand v Wong Kee Tat* [1990] 2 MLJ 435 telah memutuskan bahawa di dalam keadaan sedemikian, mahkamah asing mempunyai bidang kuasa ke atas defendan yang menetap di Malaysia. Dengan yang demikian, di dalam hal defendan ini seperti diakui oleh peguam defendan, oleh kerana mahkamah asal mempunyai bidang kuasa ke atas defendan, pendaftaran penghakiman tersebut di sini adalah teratur dan dengan itu tidaklah harus diketepikan. Berkenaan dengan penyerahan sukarela kepada bidang kuasa oleh defendan, isu ini tidak timbul kerana peruntukan s 5(2)(a)(i) Akta 1958 adalah peruntukan anggapan bahawa jika defendan dengan sukarela menyerah dirinya kepada mahkamah asal, mahkamah tersebut adalah dianggap sebagai telah mempunyai bidang kuasa terhadap defendan. Tetapi di dalam hal

ini, mahkamah asal secara nyata mempunyai bidang kuasa berasaskan s 16(1)(b) Akta 1969 Singapura seperti yang tersebut di atas tadi oleh kerana proses mahkamah telah sempurna diserahkan kepada defendan dan defendan sendiri telah tidak mematuhi prosedur untuk memasukkan kehadiran terhadap tindakan yang diambil oleh plaintif itu. Akibatnya, penghakiman ingkar boleh dibuat seperti yang telah berlaku di sini. Soal kesuntukan masa bagi defendan memasuki kehadirannya tidak timbul kerana proses telah dengan sahnya mengikut perintah mahkamah asal diserah kepada defendan pada 20 Julai 1988 melalui pengiklanan di dalam surat khabar dan pada 21 Julai 1988 melalui penampalan proses di papan notis mahkamah asal. Penghakiman ingkar hanya diperolehi oleh plaintif pada 22 Ogos 1988 melewati tempoh masa yang diberi untuk defendan memasuki kehadirannya.

Di atas alasan bahawa mahkamah asal mempunyai bidang kuasa ke atas defendan dan penghakiman ingkar tersebut adalah teratur, maka pendaftaran penghakiman tersebut di Mahkamah Tinggi Malaya adalah mengikut peruntukan s 4 Akta 1958. Oleh itu, permohonan defendan untuk mengetepikan pendaftaran tersebut adalah tanpa asas dan pada 14 April 1997 yang lalu saya telah menolak rayuan defendan dan mengekalkan keputusan pendaftar dengan kos kepada plaintif.

Satu perkara lagi yang perlu dinyatakan di sini ialah walaupun terdapat bantahan yang dibuat oleh plaintif terhadap afidavit menyokong permohonan defendan, perkara ini langsung tidak disentuh di dalam hujah kedua-dua pihak. Ia adalah satu isu yang penting kerana tanpa afidavit sokongan ini, permohonan defendan di hadapan pendaftar melalui saman dalam kamar yang difailkan pada 15 April 1991 adalah tanpa apa-apa bukti menyokongnya. Oleh kerana afidavit menyokong tersebut diikrarkan oleh anak lelaki defendan tanpa diberikuasa yang khas oleh defendan, ianya tidak boleh diterima sebagai keterangan menyokong permohonan defendan. Juga, apa yang diikrarkan oleh anak defendan tersebut bukannya terhadap pengetahuannya sendiri. Dengan yang demikian, bermakna bahawa permohonan defendan melalui saman dalam kamar tersebut tidak disokong oleh apa-apa bukti. Atas alasan ini sahaja, permohonan defendan perlu ditolak.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Jafisah Jaafar